

# SOKONG MEMBAWA ROBOH

“Sembahyangku, pengorbananku, hidup dan matiku adalah untuk Allah Tuhan Semesta Alam”

## AWAS - KITA JANGAN DIJADIKAN PERKAKAS ORANG

Pengakuan di dalam sembahyang yakni pengakuan tiap-tiap seorang muslim sebagaimana yang tersebut di atas tidaklah ia bermakna menunjukkan keberanian oleh kerana bagi tiap-tiap seorang Islam bukannya menunggu masa memberi pengorbanan kepada agama Allah tetapi ia mesti bekerja selama hidupnya, selama ada hayatnya dengan apa jua daya upaya yang ada kepadanya untuk agama. Untuk mendirikan masyarakat dan kemuliaan orang-orang Islam yang memeluk agama itu dengan ini maka menjadi kewajiban kepada tiap seorang Islam menjalankan dasar Islam yang sebenar walaupun keadaannya kecil atau lumpuh tetapi dengan berkeyakinan bahawa mendirikan agama Allah itu satu kemuliaan dan perkara yang dituntut maka insya-Allah sebagaimana yang telah dijanjikan bahawa yang kecil itu akan memenangi yang besar.

## INIKAH PERJUANGAN MELAYU?

(oleh Edrus)

Haji Ahmad Fuad di dalam makalahnya di dalam Utusan Melayu 12 November 1951 sekali lagi nampaknya cuba hendak mengabui mata orang Melayu hari ini oleh kerana cintanya kepada “IMP” yang kononnya untuk mencapai suatu cita-cita Malaya merdeka yang di dalamnya penduduknya orang Melayu akan terbiar dan akan binasa di dalam negerinya sendiri. Ia menunjukkan di dalam makalah itu contoh-contoh kemerdekaan Indonesia dan juga langkah-langkah Muhammad Ali Basya di Mesir tetapi langkah-langkah itu bagi umat mereka bukan bagi meleburkan bangsanya kepada bangsa leburan sebagaimana yang dicita-cita oleh “IMP” yang sudah terang haramnya itu.

Kemerdekaan yang dicita-cita oleh orang Melayu ialah kemerdekaan untuk orang Melayu dengan memberi keraian kepada anak-anak dagang yang telah lama bermastautin di sini – itulah cita-cita dan kemahuan orang Melayu – bukannya cita-cita segolongan orang Melayu yang nampaknya redha dijadikan

perkakas bagi menyampaikan cita-citanya supaya menjadi besar dengan tidak mengambil indah mengadai dan meleburkan hak bangsanya. Menjadi perkakas itu akan saya terangkan di belakang kelak.

Asas kemerdekaan bagi orang Melayu akan tercapai dalam masa sepuluh tahun dengan syarat yang utama iaitu menjadikan bahasa Melayu itu bahasa rasmi – bukannya bahasa yang berkongsi – dengan menjadikan bahasa Inggeris itu ialah bahasa pinjaman jua yakni bahasa yang kedua. Kemerdekaan yang sedemikian ini, menurut pandangan saya, telah digalang oleh pihak “penasihat” yang dari semasa ke semasa nampaknya berniat mengecilkan hak-hak bahasa itu supaya orang-orang Melayu tidak berupaya memasuki lingkungan-lingkungan pertadbiran negerinya, lemah iktisadnya dan dengan sebab itulah kita tidak hairan apabila satu rancangan yang dibuat tidak lain tujuan semata-mata melemahkan anak negeri yang harus di dalamnya ditujukan untuk seberapa daya upaya mengekalkan kekuatan iktisadnya di negeri ini iaitu negeri yang menjadi “mata airnya” yang terbesar yang difikirkannya akan menjadi

punca keselamatan iktisad negerinya pada masa yang akan datang.

Kalau kita halusi tujuan-tujuan penyata yuran sepuluh tahun itu nampaknya, mengikut pandangan saya, tujuannya berkaitan kepada apa yang tersebut di atas tadi. Dasar pelajaran, meluaskan bahasa Inggeris supaya daripada bahasa itu dijadikan taraf darjat untuk kemerdekaan pada masa yang akan datang yang di dalamnya sudah tentu orang-orang Melayu tidak akan dapat bersaing dengan orang-orang lain yang dengannya dalam masa sepuluh tahun bahasa Inggeris itu akan dijadikan bahasa rasmi – apa halnya bahasa Melayu dan orang-orang Melayu? – Pembaca-pembaca sendiri akan dapat memikirkannya.

Penyata, tangga gaji, sudah terang menzahirkannya bahawasanya peringkat-peringkat, kelulusan-kelulusan itu digantungkan kepada bahasa Inggeris dan dengan ini bagaimana kita boleh merdeka – merdeka yang disebutkan itu boleh disifatkan semata-mata tipuan mengabui maka orang-orang Melayu pada hal yang akan mendapat semuanya tidak lain daripada anak-anak dagang dan kalau ada pun orang-orang Melayu yang mendapat faedahnya sedikit jua bahkan hanya sepalit yang mendapat keuntungan yang besar, kemegahan yang tinggi, dengan kerana keredhaannya “menjual” hak dan masalah bangsa Melayu – saya suka bertanya adakah orang-orang Melayu redha kepada kemerdekaan yang sedemikian ini? – inikah dia kemerdekaan yang dituntut dan dikehendaki oleh orang Islam? – Tuan Haji Ahmad Fuad harus akan menjawabnya ‘ya’ tetapi orang-orang Islam mengatakannya tidak. Walaupun orang-orang Melayu belum pandai membuat jarum dan bukannya kerana membuat jarum mesti kita menjual negeri dan bangsa.

Sebagaimana yang saya sebut di atas – tentulah saya akan memberi keterangan yang jelas ke mana kita akan di bawa dan apa-apa tujuan-tujuan yang dihadapkan kepada kita untuk menceburkan kita ke dalam lembah berselisih faham di antara satu sama lain, berpecah belah yang di dalamnya terbitnya daripada gila nama, tamak dan gila kebesaran.

“IMP” didirikan oleh Onn, menurut pandangan saya, mestilah ia hampa daripada mendapat sokongan daripada ahli-ahli

UMNO umumnya dengan kerana ia telah membawa jauh kepada suatu cita-cita yang berlawanan dengan jiwa orang-orang Melayu. “IMP” berdiri sendiri sesudah “RIDA” terletak dalam tangan Onn yang seolah-olahnya ia bertepuk di hadapan khalayak orang ramai “marilah bersama-sama dengan aku mencapai kemerdekaan, wang ada dalam tangan aku” – adakah orang Melayu akan gelap mata dengan kerana wang dan tertipu dengan kerana wang dan terpesong dengan kerana wang serta terpedaya kepada janji-janji yang diberi tetapi tidak ditunaikan – saya percaya orang Melayu tidak redha dengan yang demikian itu.

Sesudah “IMP” berdiri selain dari suku sakatnya, orang Melayu tidak suka hampir, UMNO menjadi tentangannya. Jika dahulu ia dijulung sebagai suatu gemala yang tidak tolok bandingan, ditangisi tatkala ia “merajuk” tetapi sekarang orang telah mengetahui hakikatnya maka sebab itulah bangsa Melayu tidak redha dijadikan perkakas kepada suatu cita-cita yang berlawanan dengan kehendak dan cita-cita orang Melayu.

Orang-orang Melayu mengetahui bahawa harus, sebagaimana yang telah pernah saya telah tujuan itu nampaknya tidak ikhlas kerana di dalamnya harus bergantung kepada cita-cita mendapat kebesaran bagi diri maka ia pun pada mulanya, menurut pandangan saya, membuat lima cawang – (1) ahli-ahlinya tinggal di dalam UMNO supaya memperbaharui UMNO menyokong “IMP” ; (2) mempengaruhi orang-orang kampung dengan menopengkan agama, menubuhkan Pertubuhan Ulama ; (3) menggunakan “RIDA” ; (4) menggunakan parti buruh dan (5) mengharap kerjasama daripada anak-anak dagang.

Bagi yang pertama – keadaannya telah lumpuh kerana orang UMNO insaf bahawa mereka tidak akan redha menerima mereka yang keadaannya sebagai api di dalam sekam kepada UMNO. Yang kedua – tajaan Majlis Pertubuhan Ulama belum boleh dikatakan bertubuh dan belum boleh diharap akan berjaya oleh kerana pemimpinya, pengasasnya, Tuan Haji Ahmad Fuad telah menunjukkan corak, kepada pengajaran yang menurut pendapat saya, tidak mengikut kehendak-kehendak asas tujuan agama Islam, yang daripadanya saya percaya orang ramai nampak

bahawa pertubuhan ulama itu jika mengikut kehendak-kehendak dan lari perjalanan Tuan Haji Ahmad Fuad harus tidak lain tujuannya hanya untuk menyampaikan cita-cita Onn supaya orang-orang Islam di kampung nanti sebagaimana yang telah lalu, percaya dengan ayat-ayat Allah yang digunakan untuk mempengaruhi mereka itu. Yang ketiga – langkah-langkahnya dengan “RIDA”. “RIDA” ditaja, menurut pandangan saya, tersembunyi di dalamnya cita-cita siasat yang jauh untuk mempengaruhi orang-orang kampung juga. Biasanya pertadbiran di negeri Melayu itu dijalankan, di dalam kampung-kampung diadakan suatu permesyuaratan kampung yang merundingkan kehendak-kehendak orang kampung seperti mengadakan tali air, sawah, tanaman-tanaman dan sebagainya. Mesyuarat kampung ini dibawa kepada mukim dan daripada mukim dibawa kepada daerah dan daripada daerah itulah menyampaikan perkara itu kepada jabatan-jabatan yang berkenaan tetapi lazimnya kewangan sangat tidak memuaskan dan sebab itulah rancangan tidak berjaya dan tidak sampai. “RIDA” membuat rancangan mengikuti langkah-langkah yang tersebut iaitu mengadakan kawasan-kawasannya di kampung. Kemudian ke mukim lalu ke daerah sedang kewangan telah tersedia untuk itu. Apabila orang-orang kampung tidak mendapat tujuan-tujuannya kepada pertadbiran yang berjalan seperti biasa lalu melarikan diri “ke RIDA” dan di sana ia dapat apa yang dikehendaki mereka dengan sebab-sebab kewangan ada. Ini bagus tetapi menurut pandangan saya, kesannya ada lain dan merugikan, pegawai-pegawainya kalau biasa dua digunakan menjadi empat dan pada segi yang lain dengan sendirinya pertadbiran-pertadbiran yang berjalan itu akan hapus lalu terikut kepada pengaruh “RIDA” yang di dalamnya akan menjadi satu segi pemerintahan yang menjadi satu. Keuntungan yang didapati di dalamnya orang-orang kampung akan terpengaruh dan pertadbiran menjadi satu, langkah-langkahnya akan berjaya kepada segi ini oleh sebab itu sepatutnya pegawai-pegawai Melayu menyatakan fikiran dan pendapat hendaklah perjalanan “RIDA” di dalam satu-satu kawasan itu di bawah pertadbiran dan tilikan pegawai-pegawai daerah pada

masing-masing tempat itu. Yang keempat – ia mencari lapangan dan sokongan kepada Parti Buruh. Tidak hairan kalau kita memerhati bahawa di mana ada parti buruh bermesyuarat nampaknya di sana orang UMNO ada. Tujuannya tidak lain, pada pandangan saya, mencari sokongan untuk mencapai cita-cita supaya terdiri sebuah kerajaan merdeka yang dicita-citanya; dan yang kelima – ia mengharap sokongan kepada anak-anak dagang yang telah membuat janji-janji yang bak air madu yang melimpah-limpah sebagaimana yang biasa – orang Melayu mau satu ribu buat berniaga, kita beri sepuluh ribu, mau kerani, kita beri kerani, mau kilang, kita beri kilang, mau lombong, kita beri lombong tetapi akhirnya kita menjadi patung, nama kita digunakan, nama orang Melayu digunakan – kilang ini orang Melayu punya nama tetapi hanya sebagai topeng jua – lembu punya susu sapi punya nama.

Dengan hujah-hujah yang saya bawa di atas ini adakah sama keadaannya dengan perjuangan Muhammad Ali di Mesir atau perjuangan Sukarno di Indonesia? – tidak. Sukarno bukannya mau mencari jawatan atau pangkat; Muhammad Ali bukan mau mencari kemegahan tetapi untuk melepaskan penindasan-penindasan yang dihadapkan kepada bangsa mereka yang berkurun-kurun lamanya. Perjuangan bangsa Indonesia untuk orang Indonesia dan perjuangan Mesir untuk orang Mesir tetapi kemerdekaan yang dicita-cita oleh “IMP” sekarang ialah untuk melayan suatu bangsa yang direka untuk meleburkan bangsa Melayu ke dalamnya. Menghapuskan hak mutlak orang Melayu, meninggalkan bersama-sama Tuan Haji di dalamnya, menyerahkan rumah dan periuk belanga anak-anak Melayu kepada orang dagang sedang orang-orang Melayu dari semasa ke semasa kelak akan tidak dikenal oleh orang lagi kerana tidak ada bangsa Melayu tetapi bangsa Malayan dengan bahasanya Inggeris – inikah dia perjuangan yang dinamakan perjuangan orang Melayu bagi bangsa Melayu? Inikah dia suatu perjuangan orang Islam yang mengaku lima kali sehari akan mengorbankan segala-galanya

(sambungan muka 40)

mengawal hawa nafsu, mengawal syahwat dengan tidak merosakkan kepada sesuatu yang telah dijadikan Allah.

-----\*-----\*-----

Haji Muhamad Arif al-Arabiyah School Gunung Baling,

Kedah, bertanya : Di mana asalnya mula perkataan cina buta – adakah gelaran itu pada zaman Rasulullah dahulu?

Jawab : Asal perkataan itu kita tidak mendapat tahu.

Tetapi perkataan cina buat itu adalah diambil daripada makna mahlal. Boleh jadi perkataan itu dinisbahkan kepada cina-cina mualaf yang buat yang redha dijadikan perkakas untuk mempermain-mainkan kahwin dengan sebab ketiadaan pahamiannya dalam perkara yang tersebut. Perkataan ini tidak ada pada zaman Rasulullah.

-----\*-----\*-----

Ismail Abdul Rahman, kampung Raja Besut,

Terengganu bertanya : Halal atau haram wang yang diberi (bunga) sebanyak tiga peratus setahun bagi tiap-tiap

---

(sambungan dari muka 6)

kepada jalan Allah? – adakah tuntutan perjuangan itu menunggu masa dan sangat, menunjukkan keberanian?

Di dalam masa berperang boleh menggunakan tipu muslihat peperangan tetapi di dalam perjuangan untuk membina masyarakat, setiap sangat dan masa pengorbanan tiap-tiap seorang yang berikrar itu dikehendaki dan bachul benar mereka kalau bekerja untuk orang lain dengan konon-kononnya menggunakan tipu muslihat sedang di dalam tipu muslihat itu akan membinasakan kedudukan dan muslihat kaumnya. –

Tuan Haji Ahmad Fuad menerangkan apa tipu muslihatnya!

Dengan sebab itu tiap-tiap orang Islam hendaklah insaf bahawa jangan lekas terpedaya mendengar ayat-ayat atau hadith digunakan oleh orang yang berserban sebelum kita memikirkan iman kita hendak dibawa dan ingatlah bahawa agama Islam kita adalah agama orang yang berakal dan sebab itulah kita mesti mencemburui lebih dahulu kepada tiap-tiap bauan mereka kerana kerap kali sokong itu membawa rebah adanya.

Seringgit manakala kita simpan di dalam SEABank bank?

Jawab : Haram. Riba ditegah oleh agama.

-----\*-----\*-----

Abdul Kadir Jamaludin, Pasir

Hitam bertanya : bagaimana hukumnya seorang kanak-kanak cina yang dipelihara oleh orang Islam mati dalam umurnya tak sampai tiga tahun bolehkah dikebumikan oleh perkuburan orang Islam atau tidak.

Jawab: Boleh ditanam dan diurus secara Islam.

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya) tiap-tiap seorang kanak-kanak diperanakkan atas kebersihan – kedua-dua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi atau menjadikannya Majusi (Hadith Sahih riwayat At-Tabrani dan Baihaqi).

Hadith ini menerangkan bahawa tiap-tiap kanak-kanak mahu pun kanak-kanak orang kafir atau kanak-kanak orang Muslim diperanakkan atas fitrah yakni kesucian dan kebersihan, tetapi yang menyesatkannya ialah kedua-dua ibu bapanya. Ibu bapanya tak dapat menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi sebelum ia baligh. Kanak-kanak yang diambil oleh orang Islam maka jadilah ia anak orang Islam yang diperanakkan oleh orang Islam.

Pada zaman nabi anak-anak kafir yang mengikut Islam sebelum baligh ada banyak seperti Ali, Ibnu Zaid, Zaid bin Harith dan lain-lainnya. Sekalipun pada zaman nabi, jika tidak khilaf, tidak ada anak-anak kafir yang diambil atau dibela oleh orang Islam yang mati sebelum baligh ditanam dengan secara Islam tetapi adakah kiranya jika mati orang-orang yang tersebut di atas yakni yang bersama-sama dengan nabi sebelum baligh itu meninggal adakah diserahkan kepada Rasulullah ditanam oleh orang kafir atau tidak dibenarkan ditanam di dalam perkuburan Islam. Adakah pada zaman nabi seseorang anak kafir yang dipelihara oleh orang Islam mati, diserahkan mengurus dan menanamnya kepada orang kafir? Kita tidak mendengarnya dalam perkara ini. Oleh itu dengan keterangan itu kita berpendapatan bahawa anak-anak itu hendaklah diselenggarakan mengikut secara Islam.

-----\*-----\*-----